

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

SOALAN

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jumlah pembiayaan yang diberikan kepada setiap syarikat yang mendapatkan dana daripada *Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF)* mengikut negeri untuk tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan bagi mendapat bantuan Dana Sementara Bas Henti-henti (*Interim Stage Bus Support Fund - ISBSF*) adalah seperti berikut:

- (i) Masih beroperasi dan mengikut laluan perkhidmatan yang diluluskan;
- (ii) Tidak mendapat sebarang bantuan kewangan dari Kerajaan di laluan perkhidmatan; dan
- (iii) Bas mempunyai cukai jalan, insuran dan lulus ujian berkala PUSPAKOM.

2. Jumlah pembiayaan dana ISBSF yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan bas berhenti-henti di seluruh negara bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah sebanyak RM 338,859,088.02.

3. Senarai agihan dana tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	2012	2013	2014	JUMLAH
1	JOHOR	4,599,351	11,826,944	16,046,929	32,473,224
2	KEDAH	5,004,383	11,611,715	10,053,319	26,669,417
3	KELANTAN	16,143,330	21,696,922.25	21,198,623	59,038,875.25
4	K. LUMPUR	1,709,751	9,801,706	9,780,541	21,291,998
5	MELAKA	1,566,523	5,777,970	5,759,117	13,103,610
6	N.SEMBILAN	10,819,061	16,322,124	12,364,743	39,505,928
7	P.PINANG	7,471	45,025	48,555	101,051
8	PAHANG	1,669,067	5,804,018	5,232,166	12,705,251
9	PERAK	2,628,764	8,950,897	9,825,692	21,405,353
10	SABAH	825,562	3,971,864	7,188,621	11,986,047
11	SARAWAK	2,881,095	7,645,299	5,520,281	16,046,675
12	SELANGOR	12,075,242	31,664,128.77	37,642,486	81,381,856.77
13	TERENGGANU	164,946	663,812	2,321,044	3,149,802
	JUMLAH	60,094,546	135,782,425.02	142,982,117	338,859,088.02

Sekian, terima kasih.